

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Guru akan menyediakan beberapa situasi yang memerlukan murid berfikir tentang tindakan hemah tinggi.
 3. Antara peranan murid ialah :
 - (a) Murid 1 : Susun kad seperti kipas
 - (b) Murid 2 : Pilih kad dan bacakan soalan
 - (c) Murid 3 : Jawab soalan
 - (d) Murid 4 : Beri respon dan beri pujian kepada jawapan rakan
 4. Murid secara berkumpulan akan menulis respon soalan kumpulan dalam kad pelbagai bentuk dan warna.
 5. Guru perlu menyediakan soalan situasi dan ditulis pada kad. Kad tersebut akan dicabut oleh murid dan murid perlu membaca situasi tersebut.
 6. Contoh situasi yang boleh digunakan ialah :

Situasi 1

Kamu sekeluarga telah melancong ke sesuatu tempat dan telah menginap di salah sebuah inap desa agar lebih selesa untuk memasak sendiri.

Situasi 2

Kamu sedang bercuti di Melaka dan melawat sebuah muzium bersejarah. Di dalam muzium itu, terdapat papan tanda yang melarang pengunjung daripada menyentuh barangan pameran.

Situasi 3

Kamu sedang bercuti di sebuah resort dan ingin menggunakan kemudahan kolam renang. Terdapat papan notis mengenai etika berpakaian dan peraturan keselamatan di kawasan kolam.

Situasi 4

Kamu menyertai program sekolah ke sebuah galeri seni. Sebelum masuk, guru mengingatkan semua murid agar menjaga adab dan tingkah laku sepanjang lawatan.

7. Murid perlu menyatakan cara mengamalkan sikap hemah tinggi demi meningkatkan imej negara dan ditulis pada kad tersebut.
8. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.